

# Di negara kita jumlah pembaca masih kurang

**IQRAK!** (baca oleh-mu). Itulah ayat pertama yang diwahyukan Allah kepada Nabi Muhammad saw. yang boleh dikaitkan dengan Pesta Buku Malaysia '82 anjuran Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan di Dewan Tengku Censor Universiti Malaysia.

Bertolak dari ayat tersebut, membaca ternyata tidak mengira dalam apa keadaan sekalipun ia tetap perlu, sama ada kedudukan ekonomi negara baik atau meleset.

Tetapi, di negara kita jumlah pembaca masih berkurangan. Ini didaraskan kepada perangkaan Perpustakaan Negara yang menunjukkan jumlah pembaca mulai berkembang sejak 1972 ini dari 4.02 pembaca hinggalah Oktober tahun ini meningkat ke 56,480.

Keadaan ini, jika dibandingkan dengan penduduk wilayah yang hampir sejuta, jelas menunjukkan lebih ramai penduduk tidak membaca. Apa lagilah jika dibandingkan dengan penduduk negara yang berjumlah 13,000 orang.

Dari perangkaan ini, pada umumnya, boleh dirumuskan bahawa membaca belum "menjadi tabiat kepada penduduk di negara ini."

"Setiap judul buku umum, hanya dapat dijual 2,000 naskah setahun," kata salah seorang penerbit yang menyertai pesta itu. Sedangkan, menurutnya, di negara lain, walaupun jumlah penduduknya lebih kecil ber-

banding dengan Malaysia, mereka dapat menjual 5,000 naskah.

"Jika tidak ramai pembaca, maka matlamat penerbitan dari segi sosio-budaya tidaklah berjaya," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam buku cenderamata sempena pesta tersebut.

Bukan itu sahaja, malah menurut Perdana Menteri, dari segi perniagaan, jumlah pembaca yang kecil menyebabkan kos pengeluaran per unit menjadi tinggi dan harga jualan menjadi mahal, kerana jumlah cetaknya kecil.

## Dinilai

Perdana Menteri bakal merumuskan: Kunci utama industri penerbitan bahan bacaan, dari segi sosio-budaya mahupun perniagaan, "bergantung kepada ramainya orang membeli dan membaca."

Kerana itu, katanya, usaha membentuk "masyarakat yang membaca" perlu dilaksanakan secara berterusan, tidak hanya menjadi matlamat Pesta Buku Malaysia '82 ini sahaja.

Bagaimanapun, kita ingin mengetahui apakah sebenarnya yang mencetus idea ke arah mengadakan pesta secara besar-besaran itu?

Mengapa pula sekarang, sedangkan industri penerbitan bukanlah baru di negara kita dan kekurangan jumlah pembaca juga bukanlah perkara baru?

President Malaysia, Book Importers Association yang jua ahli Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan, Enock Fahim Yaacob, berkata: "Setiap negara maju ada pesta bukunya, malah setiap negara ASEAN turut mengadakannya.

"Mengapa kita tidak mengadakannya?"

Menurutnya, setiap tahun pustakawan kita mengikuti pesta buku di negara jiran dan membuat pesanan untuk mengisi keperluan perpustakaan mereka.

"Jadi, kalau kita turut mengadakannya, sekurang-kurangnya habuan yang biasanya mengalir terus keluar negeri, tidak sebanyak sedikit dapat juga kita nikmati," katanya.

Menurutnya, setiap Januari, Filipina mengadakan pesta bukunya di Manila, setiap Mac, Thailand berpesta di Bangkok, setiap Mei, Indonesia mengadakannya di Jakarta dan setiap Ogos, Singapura menganjurkannya.

Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan atau MKBK, katanya, juga bercadang meneruskan pesta ini setiap tahun bagi menarik minat ke arah "mewujudkan masyarakat membaca".

Barangkali, sesungguhnya inilah juga sebabnya mengapa MKBK dihidupkan semula setelah terhenti kegiatannya sejak tahun 1972.

Majlis tersebut lahir dalam tahun 60-an berikutan mesyuarat pakarpakar penerbitan dan

pengedaran buku kawasa Asia yang berlangsung di Tokyo pada tahun 1966.

Lanjutan dari mesyuarat tersebut, beberapa negara anggota UNESCO di rantau Asia menubuhkan majlis kemajuan buku masing-masing. Negara kita, menubuhkannya dalam tahun 1968.

Kini, rasanya, ia tidak akan terhenti lagi, terutama sekali bila dihubungkan dengan perkembangan yang ada sekarang berikutan dengan pembangunan pelajaran yang turut

mengarah dan menggerakkan kemajuan penerbitan.

Dalam beberapa hal, MKBK perlu diperkemaskan, sekurang-kurangnya dalam usaha membentuk Dasar Buku Negara.

Jadi idea menghidupkan MKBK dan menganjurkan Pesta Buku Malaysia '82, tidak sahaja bermatlamat "ke arah masyarakat yang membaca" yang menjadi temanya, tetapi juga ke arah "menentukan dasar" dan memperkembangkan industri penerbitan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia